

# FATWA MENGADAKAN KUBUR BERTINGKAT, PERBAHASAN DARI PERSPEKTIF MALAYSIA

**Md Yunus Bin Abd Aziz**

## *Abstract*

*Limited and scarce land for burial purposes and the rapid increase of population have led to the proposal to reuse the graveyards. Several approaches were suggested to overcome these problems and among those being proposed was the development of multi-level graveyards. This proposal has been put forth to the authorities especially the muftis in relation to its Islamic legal ruling. The fatwa issued by the authority received mixed reaction from the public. This article intends to discuss the proposal to build multi-level graveyards by looking at the opinions of the earlier jurists and fatwas issued by muftis in Malaysia in matters concerning corpses and the use of cemetery. It is hoped that the analysis will assist in answering numerous questions arising out of the issue.*

## **Abstrak**

Kekurangan tanah perkuburan dan pertambahan penduduk yang pesat menyebabkan timbul cadangan penggunaan semula tanah kubur. Pelbagai pendekatan dikemukakan untuk menyelesaikan masalah ini dan antaranya ialah membuat kubur secara bertingkat. Isu ini telah dikemukakan kepada pihak berwajib khususnya para mufti mengenai hukumnya. Fatwa dan pandangan yang dikemukakan oleh pihak berwajib ini mendapat respon pro dan kontra dari kalangan masyarakat. Makalah ini cuba membincangkan cadangan pembinaan kubur bertingkat ini dengan menggarap pandangan para fuqahak terdahulu dan fatwa-fatwa yang dikemukakan oleh mufti di Malaysia dalam hal yang berkaitan dengan jenazah dan penggunaan kubur. Ia diharap dapat membantu menjawab beberapa persoalan yang timbul dalam isu ini.

## PENDAHULUAN

Perkembangan pembangunan yang semakin pesat terutamanya di kawasan bandar menyebabkan tanah perkuburan semakin sesak. Kawasan perkuburan baru seolah-olah mustahil untuk diwujudkan kerana tanah yang semakin sempit dan kosnya yang tinggi khususnya di kawasan pusat bandar seperti Kuala Lumpur. Dalam masa yang sama, jumlah penduduk yang semakin bertambah menyebabkan permintaan terhadap penggunaan kubur semakin tinggi dan mendesak sehinggakan ada kawasan perkuburan yang mengenakan bayaran tertentu terhadap mayat yang hendak dikebumikan.

Pelbagai pihak mengemukakan cadangan untuk mengatasi kemelut ini. Pihak yang terlibat secara khusus seperti Jabatan Agama Islam dan Majlis-majlis Perbandaran telah disaran supaya mencari alternatif yang sesuai. Ada yang mencadangkan supaya tanah perkuburan diwujudkan di kawasan sekitar pinggiran bandar dan ada yang mencadangkan supaya kubur-kubur yang ada digunakan semula. Untuk menyelesaikan kemelut ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Mohamad Shaik Mohd Taufek berkata, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengutarakan cadangan membina kubur bertingkat<sup>1</sup>. Beliau mengemukakan cadangan ini berdasarkan cara yang telah dilaksanakan di Masjid Al-Jamiul Badawi di Kepala Batas, Pulau Pinang selaras dengan fatwa yang dikeluarkan di negeri tersebut.

## BENTUK KUBUR BERTINGKAT

Menurut Pengerusi Qariah Masjid Al-Jamiul Badawi di Kepala Batas, Pulau Pinang, Arshad Zakaria, kaedah kubur bertingkat dilakukan dengan membina tembok di sekeliling kubur setinggi 1 meter dan longkang pula dibina di sepanjang tembok bagi mengalirkan air hujan sekaligus mengelakkan ianya bertakung. Setelah itu, lebih 2,000 batu nisan lama atas kubur yang kebanyakannya berusia lebih 100 tahun itu dicabut terlebih dahulu sebelum tanah baru dilambakkan di situ untuk membina satu lapisan baru.

Batu nisan lama yang dicabut akan ditanda dengan pancang dan diletakkan nombor bagi mengelakkan kekeliruan. Selepas itu barulah tanah baru ditimbus pada ketinggian kira-kira satu meter tanpa menjejaskan

---

<sup>1</sup> (Berita Harian: 23/7/04)

kedudukan pancang dan apabila kerja menimbun tanah selesai, batu nisan asal diletakkan pada pancang yang sudah ditanda dengan nombor tadi.

Dalam proses ini, kedudukan batu nisan lama hanya diubah ke atas lapisan tanah baru tetapi masih dalam posisi asal kerana sudah ditanda dengan pancang. Jika ada keperluan pengkemubian jenazah baru, batu nisan lama diubah terlebih dahulu bagi memberi ruang kepada kerja penggalian tanah dan selepas itu diletakkan semula pada kedudukan asal. Selaras dengan saranan Mufti Pulau Pinang, kereta sorong tidak diguna untuk kerja mengangkut tanah kerana menghormati mayat-mayat yang disemadikan di kubur itu, sebaliknya digunakan kren khas untuk membawa tanah.

Menurut Pengerusi Qaryah Masjid Al-Jamiul Badawi juga, kerja menggali kubur baru tidak menjejaskan kubur lama kerana ia kini sudah berada lebih tiga meter di bawah lapisan tanah baru. Melalui kaedah ini, waris boleh menziarahi ahli keluarga mereka sebab batu nisan masih dalam posisi asal. Tanah yang sudah siap ditimbus juga tidak digelek demi menghormati mayat lama<sup>2</sup>.

## **REAKSI MASYARAKAT**

Cadangan ini telah menimbulkan pelbagai reaksi daripada umat Islam khususnya di ibu kota. Pelbagai persoalan telah diutarakan dan kebanyakan mereka tidak jelas dengan konsep kubur bertingkat itu. Perkara utama yang diajukan adalah keharusan pelaksanaan cara tersebut dari sudut hukum Syara<sup>3</sup>.

Reaksi orang awam amat ketara, antara persoalan yang mereka timbulkan ialah:

1. Soal kehormatan kubur lama yang sedia ada. Bagaimanakah jika masih terdapat lagi sisa mayat yang terdahulu dan hak mayat tersebut ke atasnya.
2. Tanda kubur asal yang berkemungkinan akan hilang. Ini akan menyebabkan waris tidak akan dapat mengesan lagi kedudukan kubur keluarga mereka.
3. Siapakan yang sepatutnya layak dan berhak dikebumikan di lapisan yang baru di atas kubur lama?

<sup>2</sup> <http://www.geocities.com/jamiulbadawi/kubur>.

<sup>3</sup> Utusan: 23/7/04.

4. Keadaan mayat lama atau baru yang mungkin 'terseksa' dengan jiran sebelahnya. Waris si mati yang mungkin tidak senang dengan kedudukan mayat orang tertentu, seperti mayat orang yang diketahui ahli maksiat mahu diletakkan di lapisan atas kubur ahli keluarganya.
5. Adakah semua kubur sesuai untuk dijadikan kubur bertingkat?

Dalam membincangkan masalah ini, penulis mengutarakan pandangan berhubung dengan beberapa hukum yang berkaitan dengan kubur secara komprehensif sebagaimana yang telah dibincangkan oleh para ulamak terdahulu. Diikuti selepas itu dengan fatwa yang telah dikemukakan oleh Mufti dan tokoh ulamak di Malaysia. Perbincangan ini mungkin membantu bentuk penerangan dan penyelesaian terhadap isu di atas.

## HUKUM DAN TUJUAN MENANAM MAYAT

Di dalam kitab-kitab fiqh terdahulu, ulamak telah berbincang mengenai hukum kubur dan pengkebumian mayat secara panjang lebar di dalam *Bab Al-Janaiz* (bab pengurusan mayat). Meneliti kepada pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh mereka yang disandarkan kepada dalil-dalil khususnya dari hadis, isu kubur dan pengurusan mayat ini bukanlah rumit untuk difahami dan diselesaikan. Kefahaman kepada hakikat dan tujuan pensyariatan pengkebumian mayat dan mengadakan tempat perkuburan boleh memberikan jalan penyelesaian kepada masalah ini.

Menanam mayat maksudnya meletakkan mayat tersebut di dalam tanah dan menimbusnya dengan tanah supaya mayat itu terjamin dari gangguan binatang buas dan bau mayat tersebut tidak mengganggu orang yang hidup<sup>4</sup>.

Ulamak sepakat bahawa hukum menanam mayat adalah fardhu kifayah.<sup>5</sup> Ini bersandarkan kepada beberapa dalil, antaranya;

1. Firman Allah: ﴿ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ﴾

“Kemudian kami akan mematikan (manusia itu) dan menguburkannya” (‘Abasa: 21).

<sup>4</sup> Al-Tabatabaiy, Muhammad Bin Kazim. 1404 H/1984 M. *Al-'Urwah al- Wuthqa*. Beirut: Muassasah al-'Alaamiyyah li al-Matbyu'at, j.1, hal.436.

<sup>5</sup> Ibn Rushd, Muhammad Bin Ahmad. 1996M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: dar al-Kutub al-Ilmiyyah, j.3 hal. 54.

Kata al-Imam al-Qurtubi dalam menafsirkan ayat ini: “Allah menjadikan untuk manusia itu kubur yang menutupi mayatnya sebagai satu kemuliaan baginya, kalau mayat itu dibiarkan maka ia akan menjelekkan dan dimakan oleh haiwan, ayat ini juga memberi maksud bahawa Allah mengarahkan supaya mayat manusia itu ditanam dan tidak dibakar selepas kematiannya”<sup>6</sup>.

Difahami dari ayat ini bahawa menanam mayat manusia itu adalah sunnah Allah pada makhluknya, oleh itu mayat manusia tidak boleh dibuang sewenang-nangnya di atas muka bumi seperti binatang atau dibakar sebagaimana tindakan sesetengah agama. Ini adalah kemuliaan Allah terhadap manusia.

Firman Allah: ﴿ أَلَمْ نَجْعَلِ الْأَرْضَ كِفَاتًا . أَحْيَاءَ وَأَمْوَاتًا ﴾

Maksudnya:

“Bukankah Kami telah menjadikan bumi sebagai tempat penampung dan penghimpun (penduduknya)? Yang hidup dan yang mati?”  
(al Mursalat: 77/ 25-26)

Ertinya Allah menjadikan bumi ini sebagai tempat perhimpunan orang yang hidup di atas muka bumi dan orang yang mati di dalam tanah. Ayat ini menunjukkan kewajipan menanam mayat dan seluruh anggotanya<sup>7</sup>.

2. Nabi Muhammad s.a.w. menguburkan jenazah isteri, anak dan sahabatnya yang meninggal, perbuatan nabi ini menjadi kewajipan yang perlu diikuti<sup>8</sup>.
3. Sunnah menanam mayat ini diwarisi oleh manusia sejak dari Nabi Adam a.s. lagi<sup>9</sup>.

Para ulamak menjelaskan bahawa antara tujuan dan hikmat menanam mayat itu pula adalah seperti berikut;

<sup>6</sup> Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad. 1327 H. *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*: 19/ 219). Al-Qaherah: Dar al-Syab. j. 19, hal. 219.

<sup>7</sup> Ibid: j.19, hal. 161.

<sup>8</sup> Al-Kasani, Abu Bakar Bin Mas'ud (t.t). *Bada'i' al-Sana'i' Fi Tartib al-Syara'i'*. Beirut: Al-Maktabah al-'Ilmiyyah, j. 1, hal. 318.

<sup>9</sup> Ibid: j. 1, hal. 318).

1. Menjaga kehormatan mayat dengan mengelakkan pandangan dan baunya yang akan menjijikkan. Ini akan menutup keaiban, memelihara maruah mayat dan ahli keluarganya<sup>10</sup>.
2. Kerja mengurus dan menanam mayat ini akan mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat dan meringankan beban tanggungan fizikal dan emosi keluarga yang ditimpa musibah tersebut.
3. Ia akan memberikan pengajaran praktikal kepada orang yang hidup tentang hakikat kehidupan dunia dan kematian.

Tempat menanam mayat ini dikenali sebagai kubur. Kubur berasal dari perkataan Arab *Qabara* ( قبر ) yang bermakna tanam dan nama terbitannya adalah *Maqbarah* ( مقبرة ) yang bererti tempat menanam mayat. Firman Allah Taala:

﴿ ثُمَّ أَمَاتَهُ فَأَقْبَرَهُ ﴾

Ertinya:

*"Kemudian kami akan mematikan (manusia itu) dan menguburkannya"*

(Abasa: 21).

## TEMPAT YANG SUNAT DITANAM MAYAT

Ulamak sepakat bahawa perkuburan adalah tempat yang sunat ditanam mayat<sup>11</sup>. Antara dalil yang dikemukakan adalah seperti berikut;

1. Berdasarkan kepada Sunnah Nabi, Rasulullah s.a.w. menanam mayat keluarga dan sahabatnya di perkuburan Baqi', begitu juga dengan amalan para sahabat dan mereka selepasnya.
2. Perkuburan lebih afdhal dari tempat lain kerana ia sentiasa menerima doa dan zikir orang yang menziarahinya, mayat akan mendapat berkat dari doa dan zikir tersebut<sup>12</sup>.
3. Menanam mayat di perkuburan akan lebih meringankan warisnya, ini kerana kalau kubur tersebut dibuat dalam kawasan tanah mereka, ia akan menyusahkan terutama apabila harta tersebut berpindah milik.
4. Perkuburan adalah pintu pertama ke alam akhirat, oleh yang demikian sebaiknya mayat itu diletak di pintu rumah ke akhirat

<sup>10</sup> Al-Jamal, Sulaiman Bin Umar. 1997M *Hasyiah al-Jamal 'ala Syarh al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 3, hal 217.

<sup>11</sup> Al-Tahtawi, Muhammad Bin Ismail. 1997M. *Hashiah al-Tahtawi 'ala Maraql al-Falah*. J. 1, hal: 613.

<sup>12</sup> Ibn Qudamah, Abdul Rahman Bin Muhammad. 1994M. *Al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 6, hal. 238.

bukan di rumah alam dunia. Menanam mayat di rumah juga akan mewujudkan keadaan yang tidak selesa kepada orang yang hidup.

5. Sunat mayat ditanam di perkuburan kerana ia akan memberikan satu bentuk pemandangan kepada orang yang menziarahinya tentang alam akhirat, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda:

كنت هئيتكم عن زيارة القبور ألا فزوروها فإنها تذكركم الآخرة وترقق القلب.

*“Dahulu aku melarang kamu menziarahi perkuburan, sekarang pergilah kamu menziarahi kubur kerana ia akan mengingatkan kamu kepada akhirat dan melembutkan hati”<sup>13</sup>.*

Antara tempat lain yang sunat ditanam mayat adalah tempat yang mulia seperti di perkuburan Makkah (*Ma'lah*), Perkuburan Madinah (*Baqi'*) dan perkuburan di Bait al-Maqdis. Umar pernah berdoa: “Ya Allah, kurniakanlah aku Syahid pada jalanMu dan mati di bumi nabiMu”<sup>14</sup>. Sunat juga tempat yang terdapat orang-orang alim dan syuhada'. Ini semua bertujuan untuk mendapat lebih keberkatan.

Jumhur ulamak berpendapat, tempat yang makruh pula adalah seperti di rumah<sup>15</sup>, sebaliknya Mazhab Maliki menyatakan ia harus namun yang afdhalnya di perkuburan<sup>16</sup>. Tempat yang diharamkan pula ialah masjid, tanah yang dirampas atau tanah milik orang lain. Mayat yang ditanam di tempat-tempat seperti ini perlu digali dan dipindahkan ke tempat yang lain<sup>17</sup>. Pandangan yang mendakwa bahawa mayat boleh ditanam di dalam masjid sebagaimana kubur Rasulullah s.a.w sekarang adalah tidak tepat. Ini kerana kubur Nabi s.a.w pada asalnya di sisi masjid namun ia termasuk ke dalam kawasan masjid apabila masjid tersebut dibesarkan. Terdapat juga hadis yang menyatakan bahawa para nabi dikuburkan di tempat mereka meninggal. Nabi Muhammad juga menguburkan keluarga dan sahabatnya di Baqi' dan ini adalah sunnah yang perlu diikuti.

<sup>13</sup> Hadis riwayat Ibnu Majah dan al-Hakim., kata Syaikani, “Tirmizi mengatakan ia sahih”. Al-Syaikani, Muhammad Bin Ali. 1998M. *Nail al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Dar al-Makrifah. J. 3, hal. 564.

<sup>14</sup> Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail, 1407H/ 1987M. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir al-Yamamah. J. 2, hal. 667.

<sup>15</sup> Ibn-Humam, Muhammad Bin Kamal. t.t. *Syarh al-Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 2, hal. 149.

<sup>16</sup> Al-Aabi, Salih Bin Abd al-Sami'. 1997M. *Jawahir al-Iklil Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J. 1, hal. 159.)

<sup>17</sup> Al-Buhuti, Mansur Bin Yunus. 1992M. *Kassyaf al-Qina' 'An Matan al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr. J. 2, hal. 145.

## BENTUK KUBUR

Dalam Islam, kubur mempunyai ciri, bentuk dan hukum yang tertentu sebagaimana yang dijelaskan oleh Sunnah dan sebagai memenuhi keperluan manusia. Para ulamak telah membincangkan setakat manakah bentuk kubur yang paling asas dan bentuk yang sunat.

Perkara pertama yang dibincangkan ialah sedalam manakah sesebuah kubur itu perlu digali. Jumhur ulamak iaitu Mazhab Maliki<sup>18</sup>, Syafi'e<sup>19</sup> dan Hanbali<sup>20</sup> berpendapat bahawa kedalaman yang paling minimum ialah yang dapat menutup bau mayat dan mengelakkannya dari dikorek oleh binatang buas. Begitu juga dengan pandangan Mazhab Imamah<sup>21</sup> dan Ibadhiyyah<sup>22</sup>.

Menurut mazhab Maliki, kubur tidak boleh terlalu dalam kerana tempat yang paling baik di bumi ialah bahagian permukaan dan yang paling buruk adalah bahagian dasarnya. Ini kerana bahagian atas bumi merupakan tempat berlakunya ketaatan dan zikir, oleh itu mayat akan mendapat berkat. Diriwayatkan bahawa Umar Bin Abdul Aziz pernah berkata: "Janganlah kamu mendalamkan kuburku kerana sebaik-baik bumi itu adalah di permukannya dan seburuk-buruk bumi adalah di dasarnya"<sup>23</sup>.

Pada mazhab Syafie pula, hikmat diwajibkan menanam mayat adalah untuk menjaga kehormatan mayat dengan mengelakkan bau dan kejelakan mayat tersebut dari orang yang hidup atau dari gangguan binatang buas, oleh itu kedalaman kubur yang boleh memenuhi kehendak ini dikira sudah memadai<sup>24</sup>. Al-Buhuti dari Mazhab Hanbali berkata "tidak ada nas yang menentukan kadar kedalaman sesebuah kubur, oleh yang demikian kedalaman yang boleh memenuhi tujuan kubur tersebut dikira sudah memadai"<sup>25</sup>.

<sup>18</sup> Al-Dusuqi, Muhammad Bin Ahmad Bin Irfah. 1997M. *Hasyiah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. J.1, hal. 660.

<sup>19</sup> Al-Syarbini, Muhammad Bin Ahmad al-Khatib. 1997M. *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah. Cet.1. J. 1, hal 522.

<sup>20</sup> Ibn Qudamah. J. 1, hal 271.

<sup>21</sup> Al-'Amili, Muhammad Bin al-Hasan (t.t.). *Tafsil wasail al-Syiah ila Tahsil Masail al-Syariah*. Iran, Qum: Muassasah al-Bait li Ihya' al-Turath. J. 3, hal. 165.

<sup>22</sup> Ufaihs, Muhammad Bin Yusuf (1985). *Syarh Kitab al-Nail wa Syifa' al-'Alil*. Saudi: Maktabah Dar al-Irsyad. Cet.2. J. 2, hal . 271.

<sup>23</sup> Al-Dusuqi. J. 1, hal. 665 dan Al-Abi. J. 1, Hal. 166.

<sup>24</sup> Syarbini. J. 1, hal. 522.

<sup>25</sup> Al-Buhuti. J. 3, hal. 134.

Mazhab Imamiyyah dan Ibadhiyyah pula bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan dari Rasulullah s.a.w. bahawa baginda melarang menggali kubur lebih dari tiga hasta<sup>26</sup>.

Mazhab Hanafi pula berpendapat kedalaman kubur yang paling minimum adalah separas pusat hingga ke dada orang yang berdiri, ini kerana kedalaman sebegini biasanya lebih menjamin terhindarnya bau mayat dan gangguan binatang<sup>27</sup>.

Pandangan yang ke dua, Mazhab Zohiri berpendapat bahawa kubur wajib digali dengan dalam. Mereka berhujah dengan hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi bahawa Rasulullah s.a.w bersabda semasa pengkebumian syuhada' Uhud: "Galilah dalam-dalam dan luaskanlah"<sup>28</sup>.

Dari pandangan yang dikemukakan berhubung had minima kedalaman sesuatu kubur di atas, pandangan yang dikemukakan oleh Jumhur lebih sesuai atas alasan berikut:

1. Tujuan utama menanam mayat adalah untuk menjaga kehormatan dan kemuliaan manusia, kalau sesuatu kedalaman itu mencapai tujuan tersebut, ia sudah memadai.
2. Keadaan tanah dan cuaca sesuatu tempat adalah berbeza dengan tempat yang lain dan ia mempengaruhi bau mayat. Ada tempat yang hanya perlu digali cetek dan ada tempat yang perlu digali dalam. Begitu juga ada tempat yang banyak binatang buas yang mengganggu mayat dan ada tempat yang sebaliknya.
3. Kalau kita mewajibkan menggali dengan dalam tanpa melihat tujuan asal menanam mayat iaitu mengelakkan bau mayat dan gangguan binatang buas maka ini akan menyusahkan manusia yang hidup. Menggali tempat yang berbatu contohnya amat menyusahkan, oleh itu cukup sekadar kedalaman yang boleh mencapai tujuan perkuburan tersebut. Ini selaras dengan roh Syariat yang sentiasa memberikan keringanan.
4. Arahan Rasulullah supaya didalamkan kubur itu pula boleh ditafsirkan sebagai arahan sunat iaitu yang afdhal kubur itu adalah dalam dan luas. Hadis ini juga diriwayatkan semasa menanam syuhada' Uhud di mana Rasulullah telah mengarahkan supaya

<sup>26</sup> Utfaysh. J. 2, hal. 643 dan al-'Amili. J. 3, hal. 176.

<sup>27</sup> Al-Tahtawi. J.1, hal. 607.

<sup>28</sup> Hadis riwayat Tirmizi dan katanya " Hadis Hasan Sahih". Ibnu Hazmin, Ali Bin Ahmad Bin Said (t.t.). *Al-Muhalla Bi al-Athar*. Dar al-Afaq al-Jadid. J. 5, hal. 116.

satu kubur di tanam dua hingga tiga orang mayat, oleh itu arahan supaya diluaskan itu adalah untuk memastikan muat dua atau lebih mayat dalam satu-satu liang.

## KEDALAMAN KUBUR YANG SUNAT DAN AFDHAL

Ulamak juga berbeza pendapat mengenai kadar yang sunat. Secara keseluruhannya boleh dikategorikan dua pandangan. Mazhab Hanafi<sup>29</sup>, Syafi'e<sup>30</sup> dan satu pandangan dari Hanbali<sup>31</sup> berpendapat bahawa kubur itu sunat dan afdhal di luaskan panjang, lebar dan kedalamannya. Kedalaman tersebut sekitar paras dada lelaki dewasa yang berdiri bagi mazhab Syafie dan Imam Ahmad dan al-Hassan<sup>32</sup>. Menurut mazhab Syafie, keluasan kubur adalah sekira-kira membolehkan orang yang menguruskan mayat tersebut masuk meletakkan mayat itu diliang dan tak lebih dari itu kerana kalau berlebihan ia dikira menyempitkan (kubur) orang lain. Dikatakan bahawa kubur yang dilapangkan itu menjadi kemuliaan kepada mayat, sepertimana juga menjadi satu kemuliaan menyediakan tempat yang lapang kepada orang yang hidup<sup>33</sup>.

Pandangan ini berdasarkan hadis Rasulullah semasa peristiwa Uhud: "Galilah, perdalamkanlah dan perluaskanlah". Dalam hadis ini Rasulullah mengarahkan supaya kubur itu digali dengan luas dan dalam, oleh itu ia adalah yang afdhal.

Pendapat yang kedua menyatakan bahawa yang sunat dan afdhal tiada had namun seloknya tidak terlalu dalam iaitu pandangan mazhab Maliki<sup>34</sup> atau tak lebih dari tiga hasta pada pandangan Imamiyyah<sup>35</sup> dan Ibadhiyah<sup>36</sup>.

Mazhab Maliki bersandarkan kepada kata-kata Umar Bin Abdul Aziz yang menyatakan bahawa sebaik-baik bumi adalah yang dipermukaannya dan dengan itu mayat akan mendapat berkat di samping tercapai maksud

<sup>29</sup> Majmuah Min Ulama'. 1980. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi. J. 1, hal. 166.

<sup>30</sup> Al-Ansari, Zakariya Bin Ahmad. 1998. *Fath al-Wahhab bi-Syarh Manhaj al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. J.1, hal. 172.

<sup>31</sup> Al-Mardawi, Ali Bin Sulaiman (1964). *Al-Insaf fi Masail al-Khilaf*. Damsyik: al-Maktabah al-Islami. J. 2, hal. 545.

<sup>32</sup> Ibn Quddamah J. 2, hal. 214.

<sup>33</sup> Al-Jamal. J. 3, hal. 218.

<sup>34</sup> Al-Dusuqi. J. 1, hal. 665.

<sup>35</sup> Al-'Amili. J. 3, hal. 165.

<sup>36</sup> Al-Syamakhi. J.2, hal. 280.

kubur tersebut. Mazhab Imamiyah dan Ibadhiyyah pula berhujjah dengan hadis yang menyatakan nabi melarang kubur digali lebih dari tiga hasta.

Dari dua pandangan ini penulis lebih cenderung kepada pandangan yang pertama iaitu sebaik-baik kubur ialah kubur yang luas, selesa dan dalam (yang sederhana) kerana ini lebih memberi jaminan dan ketenteraman kepada orang yang hidup terutama keluarga si mati.

## **HUKUM MENANAM DUA ORANG ATAU LEBIH DALAM SATU KUBUR**

Jumhur ulamak berpendapat mayat tidak harus ditanam dua atau lebih dalam satu-satu liang melainkan jika keadaan darurat seperti tanah yang sempit atau tidak mampu menggali kubur yang banyak<sup>37</sup>.

Hujah mereka berdasarkan perbuatan Nabi s.a.w yang hanya menguburkan satu mayat dalam satu liang. Diriwatkan juga bahawa semasa perang Uhud para Sahabat mengadu keletihan sekiranya mahu ditanam setiap orang dalam satu lubang, maka Rasulullah membenarkan beberapa mayat di tanam dalam satu lubang dan sabdanya: "Galilah luas-luas dan sempurna dan kuburkan dua orang dalam satu liang"<sup>38</sup>. Difahami dari hadis ini bahawa menanam beberapa mayat dalam satu liang hanya dibenarkan jika keadaan darurat.

Pandangan yang lain menyatakan harus mayat ditanam dalam satu liang dengan syarat ada hubungan mahram antara mayat itu atau dalam keadaan tidak ada hukum aurat antara mayat tersebut. Ini adalah pandangan Ibnu Solah dari Mazhab Syafie<sup>39</sup>, satu pandangan dari mazhab Hanbali<sup>40</sup> dan pandangan mazhab Zohiri<sup>41</sup>. Mereka berhujjah dengan hadis yang menceritakan peristiwa pengkebumian shuhada' Uhud, iaitu kebenaran nabi itu menunjukkan keharusannya.

Dalam masalah ini penulis cenderung kepada pendapat jumhur ulamak iaitu tidak harus menanam dua atau lebih mayat di dalam satu liang melainkan dalam keadaan darurat. Di samping riwayatnya yang sah, ia

---

<sup>37</sup> Ibn Muflih, Syamsuddin Bin Muflih al Hambali (1999). *Al-Nukat wa-Alfawaid al-Saniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, cet.1. J. 2, hal. 275, Al-Kasani.J. 1, hal. /319, dan Al-Aabi: J.1, hal.158.

<sup>38</sup> Al-Shaukani. J. 3, hal 523.

<sup>39</sup> Syarbini. J. 1, hal. 525.

<sup>40</sup> Ibnu Muflih. J. 2, hal. 275.

<sup>41</sup> Ibnu Hazm. J. 5, hal. 116.

memang menjadi amalan biasa menanam hanya satu mayat dalam satu liang.

## CARA MENGEBUMIKAN BEBERAPA MAYAT

Jumhur ulamak membenarkan mayat ditanam lebih dari seorang dalam satu liang dalam keadaan darurat. Sekiranya berlaku keadaan tersebut, maka perlu diambil perhatian dalam beberapa perkara, antaranya;

1. Orang yang lebih afdhal perlu diletak di hadapan dan susunannya sama seperti susunan dalam sembahyang berjamaah<sup>42</sup>. Ini berdasarkan hadis dalam perang Uhud yang diriwayatkan dari Hisyam Bin ‘Aamir:

*“Semasa perang Uhud kami mengadu kepada Rasulullah kerana tidak mampu menggali setiap liang untuk satu mayat maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Galilah dalam-dalam, luaskan dan tanamlah dalam satu liang dua atau tiga mayat”, kami bertanya:” Siapa yang kami perlu letak di hadapan wahai Rasulullah? Baginda bersabda: “Kedepankan orang yang paling banyak menghafal al-Quran”*”<sup>43</sup>

2. Seboleh-bolehnya dipisahkan antara mayat tersebut dengan tanah<sup>44</sup>.
3. Mayat bapa perlu dikehadapkan walaupun anak tersebut lebih afdhal kerana kehormatan kebapaan. Begitu juga dikehadapkan ibu dari anak perempuan<sup>45</sup>.
4. Seboleh-bolehnya kubur lelaki dan perempuan yang *ajnabi* diasingkan melainkan tersangat darurat dan susunan antara lelaki, perempuan, khunsa dan kanak-kanak adalah seperti dalam saf sembahyang berjamaah<sup>46</sup>.

---

<sup>42</sup> Al-Kasani. J. 1, hal. 319.

<sup>43</sup> Al-Shaukani. J. 3. hal. 523.

<sup>44</sup> Syarbini. J. 1, hal 525.

<sup>45</sup> Al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad. 1997. *Al-Wasit fi Al-Mazhab*. Mesir: Dar al-Salam. Cct.1. J. 2, hal. 390.

<sup>46</sup> Ibid. J. 2, hal. 390.

## MENGKEBUMIKAN AHLI KELUARGA DALAM SATU PERKUBURAN

Ulama berpendapat mengkebumikan ahli keluarga secara berhampiran dalam satu kawasan perkuburan adalah sunat<sup>47</sup>. Disunatkan juga kubur bapa dihadapankan dan begitu juga susunan itu diatur mengikut darjat afdhal seseorang.

Ia dihukum sunat berdasarkan hadis bahawa Rasulullah s.a.w ketika mengkebumikan saudara angkatnya Uthman Bin Maz'un baginda bersabda:

*“Aku menanda kubur saudaraku ini supaya mudah aku mengkebumikan keluargaku yang mati berhampiran dengan kuburnya” (Abu Dawud: 3/ 212).*

Begitu juga dengan mengkebumikan satu keluarga di tempat yang dekat dalam satu perkuburan akan memudahkan ziarah, berdoa dan kubur itu tidak mudah dilupakan<sup>48</sup>.

## MENIMBUS, MENANDA DAN MEMBUAT BINAAN DI ATAS KUBUR

Para ulamak sepakat bahawa tanah yang menimbus kubur itu sunat ditinggikan sekadar sehasta (seperti bentuk bukit) dan makruh kalau lebih dari ketinggian tersebut. Ini bertujuan supaya kubur itu dikenali dan dihormati. Mereka bersandarkan dalil yang diriwayatkan bahawa kubur nabi Muhammad s.a.w. ditinggikan sehasta dari paras tanah<sup>49</sup>.

Ulamak sepakat bahawa harus kubur itu ditanda dengan batu, kayu dan sebagainya<sup>50</sup>. Imam as-Shafie menyatakan ia adalah sunat. Pendapat ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan Abu Dawud dari Anas iaitu apabila Uthman Bin Maz'un (saudara angkat Rasulullah s.a.w.) meninggal dan dikebumikan, Rasulullah mengarahkan seorang lelaki mengambil untuknya seketul batu tetapi lelaki itu tidak berdaya mengangkutnya, Rasulullah bangun mengangkutnya sendiri dan meletakkan di kepala kubur tersebut dan bersabda: “Aku tandakan kubur saudaraku ini supaya mudah aku kebumikan keluargaku berhampiran dengannya”<sup>51</sup>.

<sup>47</sup> Al-Baijuri, Ibrahim. 1994. *Hasyiah al-Baijuri 'ala al-'Allamah al-Qasim al-Ghazzi*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. J. 1, hal. 496 dan al-Mardawi. J. 2, hal. 552.

<sup>48</sup> Al-Baijuri. J. 1, hal. 492.

<sup>49</sup> Al-Baijuri. J. 1, hal. 461 dan Ibn Muflih. J. 2. hal. 272

<sup>50</sup> Al-Buhuti. J. 2, hal. 139.

<sup>51</sup> Al-Nawawi. J. 2. hal. 55.

Ulamak juga berpendapat kubur itu boleh ditandakan dengan tulisan, walaupun terdapat hadis larangan tulisan pada kubur namun para ulama berpendapat amalan para salaf dahulu sehingga sekarang adalah sebaliknya.

Dalam membincangkan hukum membuat binaan di atas kubur, terdapat perbezaan pandangan. Mengikut mazhab Hanafi<sup>52</sup>, Syafie<sup>53</sup>, Hanbali<sup>54</sup> dan Zahiri<sup>55</sup>, secara umumnya membuat binaan di atas kubur adalah makruh tetapi membuat binaan di atas kubur yang tanahnya adalah wakaf hukumnya haram dan kalau ia menyempitkan kubur lain maka ia wajib dimusnahkan. Namun ada juga pandangan yang mengecualikan keharaman ini terhadap kubur ulamak, orang soleh dan pemimpin.

Pandangan bahawa ia haram berdasarkan kepada hadis sahih yang diriwayatkan Imam Muslim dari Jabir bin Abdullah bahawa Rasulullah s.a.w. melarang duduk dan membuat binaan di atas kubur.

Mazhab Maliki pula membezakan antara binaan di atas dan sekeliling kubur. Binaan di atas kubur adalah makruh. Binaan di sekeliling kubur harus sekiranya kubur itu di tanah milik sendiri atau untuk membezakan antara satu kubur dengan yang lain walaupun di perkuburan wakaf. Namun kalau tujuan binaan itu untuk bermegah-megah maka ia tetap haram. Mereka berpendapat larangan yang diterangkan di dalam hadis di atas adalah larangan membina di atas kubur, oleh itu membina di sekelilingnya tidak termasuk dalam larangan<sup>56</sup>.

Sebagai kesimpulan penulis lebih menerima pandangan mazhab Maliki yang mengharuskan binaan di sekeliling kubur untuk membezakan satu kubur dengan yang lain tanpa berlebihan atau bermegah, namun sekiranya ia menghalang penggunaan tanah tersebut untuk orang lain maka ia tidak diharuskan.

## **KEHORMATAN KUBUR**

Ulamak sepakat bahawa kubur adalah tempat yang perlu dihormati. Apabila seseorang itu ditanam dalam sesebuah kubur maka ia menjadi

<sup>52</sup> Al-Kasani. J. 1, hal. 320.

<sup>53</sup> Syarbini. J. 1. hal. 541.

<sup>54</sup> Al-Buhuti. J. 2, hal. 139.

<sup>55</sup> Ibn Hazm. J.5, hal .

<sup>56</sup> Al-Dusuqi J. 1, hal. 674.

seperti wakaf untuknya. Oleh yang demikian segala perkara yang mencabul kehormatannya perlu dihindarkan. Ini termasuklah menggali, duduk, melangkah dan tidur di atasnya. Namun demikian, perbuatan yang dikira keperluan seperti duduk, berjalan dan lalu di atas kubur untuk sesuatu hajat adalah dibenarkan.

‘Amru Ibn Hazm meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w melihatnya duduk di atas kubur dan baginda bersabda: “Janganlah kamu sakiti ahli kubur ini, dengan itu kamu juga tidak disakiti”<sup>57</sup>.

Berhubung dengan hukum menggali kubur yang telah ditanam mayat, ulama sepakat juga ia harus sekiranya mayat tersebut ditanam di tanah yang dirampas, ditanam di tanah milik orang lain tanpa keizinan, mayat itu dikafan dengan kain yang dicuri atau ada barang bernilai yang terjatuh ke dalam kubur semasa pengebukiam dilakukan<sup>58</sup>. Kata Imam Syafie: “Kubur itu wajib digali walaupun mayat tersebut telah mula reput sekiranya itu saja jalan untuk mengembalikan sesuatu hak kepada yang empunya, namun demikian sunat bagi tuan punya tanah tersebut membiarkannya”<sup>59</sup>. Bagitu juga kubur harus dipindahkan sekiranya terdapat keperluan berbuat demikian seperti kubur yang ditenggelami air atau tanah itu perlu digunakan untuk maslahat umum yang lebih utama.

Kesimpulannya kubur mempunyai kehormatan yang perlu dijaga namun sekiranya ia menghalang hak atau maslahat umum orang yang masih hidup maka perkara yang terlarang itu diharuskan. Ini kerana hak dan maslahat orang yang hidup perlu di dahulukan dari maslahat orang yang telah mati. Oleh yang demikian kubur boleh dipindahkan jika keadaan memerlukan tindakan demikian.

## **PENGGUNAAN SEMULA KUBUR**

Sebagaimana dibincangkan sebelum ini bahawa kubur mempunyai kehormatan yang perlu dipelihara. Oleh yang demikian, bilakah sesuatu kubur itu boleh digunakan semula untuk ditanam mayat yang lain?

Kata Al-Imam an-Nawawi: “Sesuatu mayat tidak boleh ditanam di tempat mayat yang lain melainkan setelah dipastikan bahawa mayat yang

---

<sup>57</sup> Kata al-Syaukani : “Disebut di dalam Fath al-Bari bahawa Isnadnya Sahih “. Al – Syaukani. J. 3, hal. 535.

<sup>58</sup> Ibn Humam. J. 2, hal. 149.

<sup>59</sup> Al-Sharbini. J. 1, hal. 544.

pertama itu telah hancur dan tiada kesan lagi, ketika itu ulama sepakat bahawa kubur itu boleh ditanam dengan mayat lain, penentuan samada mayat yang pertama itu sudah tiada kesannya atau tidak ditentukan oleh pakar dalam bidang tersebut<sup>60</sup>.

Dari sini difahami bahawa kubur yang telah lama atau yang tidak digunakan lagi boleh digunakan semula untuk tujuan perkuburan atau tujuan lain sekiranya diperlukan. Namun ia terikat dengan status tanah tersebut, sekiranya ia diwaqafkan untuk dijadikan kubur maka tidak boleh digunakan untuk tujuan lain.

## FATWA KUBUR BERTINGKAT DAN PERBINCANGAN

Dalam pengamatan penulis hanya terdapat dua fatwa yang khusus dan telah diwartakan dikeluarkan oleh mufti di Malaysia mengenai kubur bertingkat. Yang pertama adalah fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-29 pada 19 Feb 1992<sup>61</sup>. Berikut adalah teks fatwa tersebut:

- a) *Muzakarah bersetuju kawasan tanah perkuburan lama (lebih dari 90 tahun) digunakan semula secara berperingkat-peringkat. Ini kerana tidak terdapat nas dari al-Quran dan hadith yang melarang tanah perkuburan lama digunakan semula.*
- b) *Tidak bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan kubur bertingkat sedalam 18 kaki yang dapat menempatkan (3) mayat secara bertingkat kerana pada masa ini masih terdapat banyak kawasan yang boleh dijadikan sebagai tanah perkuburan dan keadaan yang ada sekarang ini masih belum sampai ke peringkat dharurat. Sekiranya keadaan benar-benar mendesak maka cadangan ini boleh dipertimbangkan berdasarkan kaedah Fiqhiyah.*
- c) *Bersetuju supaya pihak-pihak berkenaan mencari tanah-tanah di luar Wilayah Persekutuan untuk tujuan tanah perkuburan umat Islam.*

Fatwa yang ke dua dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor yang diwartakan pada 7 Oktober 2004<sup>62</sup>. Berikut adalah maklumat fatwa tersebut:

---

<sup>60</sup> Al-Nawawi. J. 5, hal. 246.

<sup>61</sup> [http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan\\_view.asp?keyID=157](http://www.e-fatwa.gov.my/jakim/keputusan_view.asp?keyID=157)

<sup>62</sup> [www.e-fatwa.jakim.gov.my](http://www.e-fatwa.jakim.gov.my)

Kategori: Sosial/Syariah

Rujukan Pewartaan: 21

Tarikh Pewartaan: 7 Oktober 2004

Tajuk: Fatwa Tentang Menggunakan Semula Tanah Perkuburan Islam

Fatwa: (1) *Harus menggali semula tanah perkuburan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak atau darurat dengan sebab-sebab tertentu yang diharuskan oleh syara'.*

(2) *Harus menggali semula tanah perkuburan setelah dikenalpasti mayat itu telah reput oleh pihak berkuasa untuk digunakan bagi mengebumikan mayat yang baru.*

(3) *Tanah perkuburan yang sudah penuh dan tiada kawasan lapang sebagai menambah keluasan tanah perkuburan, maka adalah disarankan bahawa menggunakan semula tanah perkuburan lama dengan cara/kaedah: Menimbus tanah di atas kubur lama di kawasan tanah perkuburan setinggi 4 kaki. Kaedah ini amat sesuai di tanah perkuburan yang rendah.*

Fatwa-fatwa lain yang ada adalah secara umum berkaitan dengan penggunaan kubur yang sudah lama dan pemindahan kubur. Fatwa-fatwa ini hanyalah berkisar tentang penggalian semula kubur, pemindahan kubur, penggunaan kubur untuk pembangunan dan lain-lain perkara yang berkaitan<sup>63</sup>.

Fatwa terawal yang paling hampir berkaitan dengan kubur bertingkat adalah fatwa yang dikeluarkan di Pulau Pinang pada April 1963. Fatwa tersebut adalah seperti berikut<sup>64</sup>:

Soalan : *Apakah hukumnya menanam mayat di atas tempat mayat yang lama yang sudahpun hancur?*

Jawapan: *Hukum menanam mayat buat kali keduanya atau kesekian kalinya di atas tempat mayat yang telahpun hancur adalah dibenarkan.*

Dalam fatwa-fatwa yang lain walaupun tidak dinyatakan dengan jelas dan khusus mengenai kubur bertingkat namun dari sudut panduannya

---

<sup>63</sup> Boleh dirujuk sebagai contoh dalam Himpunan Fatwa Negeri Terengganu (jil.2), bab Kubur, Fatwa Negeri Sarawak (Pewartaan 101, Disember 1996), Fatwa Pulau Pinang (jilid 1),soalan 2,3 dan lain-lain.

<sup>64</sup> Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. *Fatwa-Fatwa Yang Telah Dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang Tahun 1961-1989*. Jilid 1. Soalan 2.

ia menjelaskan fungsi dan hukum penggunaan semula kubur. Di sini dikemukakan sebagai contoh fatwa yang berkaitan:

Negeri Kedah.<sup>65</sup>

Soalan : *Haruskah di sisi syarak membina apa-apa binaan, makam atau sebagainya di atas kubur?*

Jawapan:

- a. *Makruh dibuat binaan di dalam atau di atas kubur di dalam tanah yang dimiliki oleh orang yang membuat binaan kecuali binaan itu dibuat bertujuan untuk menyelamatkan kubur itu dari digali atau dikorek oleh binatang buas atau diruntuh oleh banjir atau seumpamanya.*
- b. *Haram dibuat binaan di dalam atau di atas kubur apa juga jenis dan bentuk binaan yang boleh jadi kekal selepas hancur mayat dengan tiada apa-apa tujuan seperti yang tersebut di atas sekiranya kubur itu di dalam tanah yang disediakan untuk perkuburan atau yang diwaqaf untuk perkuburan dan wajib diruntuhkan kerana binaan yang kekal wujudnya selepas hancur mayat itu menghalang orang-orang Islam daripada menggunakan tempat perkuburan itu dengan tiada apa-apa sebab yang diharuskan oleh syarak dan meruntuhnya itu hendaklah dengan kebenaran kadi atau dengan kebenaran Majlis Agama Islam jika ditakuti bangkit perbalahan/pergaduhan dan sebagainya. Batu-batu dan perkakas binaan itu menjadi hakmilik waris dipulangkan kepada mereka, jika tiada waris atau ada tetapi mereka enggan mengambilnya maka menjadi hak kepada Baitulmal.*

Berhubung dengan fatwa kubur bertingkat di Pulau Pinang, walaupun ia sudah dilaksanakan namun setakat ini belum ada fatwa yang digazetkan lagi, mengikut maklumat yang penulis terima ia adalah panduan awal dari mufti dan fatwa mengenainya dalam proses untuk dikeluarkan dalam masa terdekat<sup>66</sup>.

---

<sup>65</sup> Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darulaman. *Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darulaman*. Alor Setar: Percetakan Siaran Snd. Bhd. Soalan yang ke 13 dalam bab Pelbagai, hal. 140-141.

<sup>66</sup> Hasil maklumat yang penulis dapati dari perbincangan dengan Sohibus Samahah Dato' Hasan Ahmad, Mufti Pulau Pinang semasa program Mabims pada 1 Mac 2003 di Langkawi.

## PANDANGAN TOKOH AGAMA

Tokoh-tokoh agama termasuk mufti telah mengemukakan pandangan dan cadangan sebagai respon kepada cadangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang akan mewujudkan sistem kubur bertingkat ini<sup>67</sup>.

Antara tokoh yang mengemukakan pandangan adalah *Sohibus Samahah* Mufti Johor, Datuk Noh Gadot. Pada pandangan beliau cadangan berkenaan amat baik memandangkan kebanyakan bandar raya besar seperti Kuala Lumpur mengalami masalah kekurangan tanah perkuburan yang agak kritikal. Konsep kubur bertingkat merupakan satu kemudahan yang jelas dan ketara kepada umat Islam serta ia sewajarnya diaplikasikan dengan menggunakan teknologi tinggi. Menurut beliau, DBKL juga perlu merekodkan nama, tarikh kematian dan perkara-perkara yang berkaitan ke dalam komputer supaya ia dapat diuruskan dengan lebih sistematik. Tambahan pula menurut beliau, sistem itu telah dilaksanakan di negara-negara luar seperti Arab Saudi.

*Sohibus Samahah* Mufti Perak, Datuk Seri Dr. Harussani Zakaria berpendapat, pelaksanaan kubur bertingkat tidak menyalahi hukum Syarak. Beliau mencadangkan DBKL membina kubur bertingkat seperti bilik-bilik dalam sebuah rumah yang menempatkan saudara-mara dan adik-beradik yang meninggal seperti mana yang dilaksanakan di negara-negara Arab. Menurutnya juga, sebagai alternatif, DBKL juga boleh mengasingkan tulang dan menanam semula di kawasan lain dengan cara mengorek kubur yang berusia lebih dari 50 tahun.

Bekas Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tan Sri Abdul Kadir Talib pula memberikan pandangan yang sebaliknya. Beliau berpendapat DBKL perlu mengkaji semula pelaksanaan sistem kubur bertingkat itu supaya ia tidak mendatangkan masalah dalam proses penyelenggaraan kubur. Masalah akan wujud kerana struktur tanah di negara ini lembap, berair dan tidak kering seperti di negara-negara Arab.

Menurut beliau, kubur yang digali lebih dari enam kaki di negara ini ibarat sebuah perigi yang akan membenamkan mayat. Beliau mencadangkan DBKL supaya menggunakan teknik mengorek kubur dan mengasingkan tulang mayat ke bahagian tepi dan menggunakan tapak kubur itu untuk ahli keluarga. DBKL perlu fikirkan kaedah menamakan setiap kubur dan tarikh kematian bagi tujuan mengitar semula tapak kubur.

---

<sup>67</sup> Utusan Malaysia. 23/7/04.

Dalam hal ini, Dr. Nasr Farid Wasil, Mufti Mesir menyatakan bahawa harus membuat kubur bertingkat sekiranya diperlukan. Beliau mensyaratkan bahawa mayat yang pertama tetap berada di tempatnya di dalam tanah dan apabila ditimbus tanah baru dan dikebumikan mayat yang baru, mayat itu masih di dalam lapisan tanah yang asal (bukan tanah yang ditimbus) dan lembapan mayat baru itu tidak sampai kepada mayat yang di bawah<sup>68</sup>.

Merujuk cadangan *Sohibus Samahah* Datuk Seri Dr. Harussanani supaya kubur dibina bertingkat seperti bilik-bilik dalam sebuah rumah sebagaimana dilaksanakan di Mesir misalnya, supaya mudah dikumpulkan keluarga dalam satu kawasan perkuburan, perlu dilihat kesesuaiannya dengan cuaca negara kita. Struktur tanah di negara ini adalah lembut dan cuacanya tidak sama dengan negara lain yang mungkin akan mendatangkan masalah proses penyelenggaraan dan bau yang tidak selesa.

Pandangan supaya ditimbus tanah seperti yang dilaksanakan di Perkuburan Masjid Jami' al-Badawi ditegaskan oleh Tan Sri Abdul Kader, seolah-olah akan membenamkan mayat lebih-lebih lagi sekiranya kubur terletak di tempat yang rendah. Tanah perkuburan yang berada di lereng bukit mungkin tidak sesuai untuk tujuan ini. Struktur tanah yang lembut pula akan menyebabkan lembapan mayat yang baru turun ke kubur bawah.

Oleh yang demikian cadangan memastikan tiada lagi kesan mayat di kubur yang lama dan digunakan terus untuk menanam mayat yang baru juga lebih praktikal. Namun begitu, bagi tanah yang sesuai untuk dibuat tingkatan maka boleh dilaksanakan. Antara masalah yang dihadapi melalui kaedah ini ialah keadaan kubur yang tidak tersusun antara kubur baru dan lama, ia menyebabkan sukar untuk membezakan kawasan kubur yang lama dan baru. Penggali kubur perlu mencucuk kubur dengan alat seperti kayu terlebih dahulu untuk mengesan dan mengenalpasti bahawa mayat terdahulu telah benar-benar reput<sup>69</sup>.

Kesimpulannya, cadangan-cadangan yang diutarakan itu boleh dikaji untuk dilaksanakan mengikut kesesuaian sesuatu tempat. Mengambil pandangan Dr. Yusuf al-Qardhawi, maslahat umum perlu didahulukan

<sup>68</sup> [www.islamonline/fatwa](http://www.islamonline/fatwa): 24 Julai 2001.

<sup>69</sup> Hasil maklumat yang penulis dapati dari perbincangan dengan *Sohibus Samahah* Dato' Hasan Ahmad, Mufti Pulau Pinang semasa program Mabims pada 1 Mac 2003 di Langkawi.

dari masalah yang khusus dan kaedah ini terpakai kepada orang yang hidup, oleh itu dalam hal yang berkaitan dengan mayat maka masalah orang hidup lebih diutamakan<sup>70</sup>.

Setelah melihat dalil, pandangan ulamak terdahulu dalam soal hukum hakam kubur dan fatwa serta pandangan ulamak masa kini, ada beberapa perkara yang kita boleh simpulkan dengan perkembangan cadangan dan cara kubur bertingkat ini yang sekaligus menjawab persoalan yang diutarakan oleh orang ramai.

1. Perkara yang berhubung dengan soal kehormatan kubur dan sisa mayat lama yang masih tinggal. Dalam pembinaan kubur bertingkat seperti yang disarankan, ia dikira tidak mengganggu kubur yang lama kerana jarak yang agak jauh di atas (lebih kurang 2 kaki).
2. Pemilihan kubur yang sudah lama, kita boleh andaikan berkemungkinan besar mayat di dalamnya telah hancur atau tiada kesan lagi. Dengan demikian kubur itu bukan lagi menjadi milik mayat tersebut. Ini selaras dengan pandangan ulamak yang mengharuskan penggunaan semula kubur yang sudah lama dan telah hancur mayatnya.
3. Kedudukan dan tanda kubur asal yang mungkin hilang. Ini dapat diatasi dengan membuat tanda semasa proses penimbusan tanah baru dilakukan. Kecanggihan teknologi moden boleh dimanfaatkan untuk tujuan ini. Ulamak menyatakan, kalau sesuatu kubur wakaf itu sudah lama dan tidak ada kesannya lagi maka haram waris mayat itu memperbaiki kubur itu lagi sekiranya ia menghalang untuk ditanam mayat lain disitu.
4. Persoalan mengenai orang yang berhak untuk dikebumikan di atas kubur yang lama, kalau kubur yang diwakafkan untuk umum maka semua orang mempunyai hak yang sama. Orang yang mati dahulu perlu di dahulukan tanam. Namun demikian sekiranya perkara itu boleh diuruskan maka ia lebih baik kerana mengebumikan keluarga di tempat yang berdekatan itu adalah sunat sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini.

---

<sup>70</sup> [www.islamonline.net/](http://www.islamonline.net/) 20.Nov. 2001.

5. Masalah pengkebumian ahli maksiat berhampiran ahli ibadah; setiap manusia dibalas berdasarkan amalan masing-masing dan Allah yang lebih mengetahui kedudukan seseorang hamba. Namun demikian manusia hidup yang menguruskan pengkebumian itu boleh membuat pertimbangan sekiranya perkara itu boleh dielakkan. Ini kerana antara tujuan menguruskan mayat ialah untuk memberikan ketenangan kepada waris.

Ringkasnya, penentuan sesuatu tanah perkuburan itu sesuai atau tidak untuk dijadikan kubur bertingkat bergantung kepada pandangan pihak berwajib dan pakar.

## **KESIMPULAN**

Cadangan untuk mengadakan kubur bertingkat ini adalah amat praktikal dalam suasana yang wujud sekarang. Namun demikian kajian lebih mendalam perlu dibuat dari pelbagai aspek untuk memastikan tidak ada kelemahan yang akan berlaku dikemudian hari. Ini termasuk mengambil pengalaman dari negara-negara yang telah melaksanakan cara ini seperti di Arab Saudi, Mesir dan negara lain. Ia juga bukan satu pilihan yang terakhir kerana masih ada pendekatan lain seperti penggunaan semula kubur-kubur yang sudah lama. Semua tindakan haruslah dilingkungi maslahat untuk simati, warisnya dan masyarakat serta memudahkan kerja orang yang hidup.

Para ulamak telah menjelaskan dengan panjang lebar mengenai hukum kubur dan menanam mayat ini, maka kefahaman yang jelas terhadapnya akan menjawab segala persoalan yang berbangkit. Perkara yang jelas menghalang penggunaan semula kubur seperti membuat binaan yang kekal di perkuburan wakaf perlu dielakkan kerana ia boleh menyekat maslahat umum.

## RUJUKAN:

- Al-'Amili, Muhammad Bin al-Hasan (t.t.). *Tafsil wasail al-Syiah ila Tahsil Masail al-Syariah*. Iran, Qum: Muassasah al-Bait li Ihya' al-Turath.
- Al-Aabi, Salih Abd al-Sami' (1997). *Jawahir al-Iklil Syarh Mukhtasar al-Khalil*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Ansari, Zakariya Bin Ahmad (1998). *Fath al-Wahhab bi-Syarh Manhaj al-Tullab*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Buhuti, Mansur Bin Yunus Bin Idris (1992). *Kassyaf al-Qina'an Matan al-Iqna'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Dusuki, Muhammad Bin Ahmad Bin Irfah (1997). *Hasyiah al-Dusuqi ala al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah. Cet. 2.
- Majmuah Min Ulamak (1980). *Al-Fatawa al-Hindiyyah*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Ghazali, Muhammad Bin Muhammad (1997). *Al-Wasit fi Al-Mazhab*. Mesir: Dar al-Salam. Cet.1.
- Al-Jamal, Sulaiman Bin Umar Bin Mansur (1997). *Hasyiah al-Jamal 'ala Syarh al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah, cet.1.
- Al-Kasani, Abu Bakar Bin Mas'ud (t.t). *Bada'i al-Sana'i Fi Tartib al-Syara'i*. Beirut: al-Maktabah al-Ilmiyyah.
- Al-Mardawi, Ali Bin Sulaiman (1964). *Al-Insaf fi Masail al-Khilaf*. Damsyik: al-Maktabah al-Islami.
- Al-Nawawi, Yahya Bin Syarifuddin (1995). *Raudhah al-Talibin wa 'Umdatul Muftin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- (1996). *Al-Majmu' Syarh Al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad (1372H). *Al-Jami'li Ahkam al-Quran*. Al-Qaherah: Dar al-Sya'b.
- Al-Syarbini, Muhammad Bin Ahmad al-Khatib (1997). *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah. Cet.1.

- Al-Syaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad (1998). *Nail al-Autar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Beirut: Dar al-Makrifah. Cet 1.
- Al-Tahtawi, Muhammad Bin Ismail (1997). *Hashiah al-Tahtawi 'ala Maraqi al-Falah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, cet. 1.
- Ibn Muflih, Syamsuddin Bin Muflih al Hambali (1999). *Al-Nukat wa-Alfawaid al-Saniyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, cet.1.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad Bin Abdul Halim (1997). *Majmu' al-Fatawa*. Mansurah: Dar al-Wafa' li-Atiba'ah.
- Ibnu Hazmin, Ali Bin Ahmad Bin Said (t.t.). *Al-Muhalla Bi al-Athar*. Dar al-Afaq al-Jadid.
- Ibnu Quddamah, Abdul Rahman Bin Muhammad (1994). *Al-Syarh al-Kabir*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibnu Rushd, Muhammad Bin Ahmad (1996). *Bidayatul Mujtahid wa Nihayatul Muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Jabatan Agama Islam Pulau Pinang. *Fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam Pulau Pinang Tahun 1961-1989. Jilid 1*.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darulaman. *Himpunan Fatwa Negeri Kedah Darulaman*. Alor Setar: Percetakan Siaran Sdn. Bhd.
- Jabatan Hal Ehwal Islam Trengganu (2000). *Fatwa Mufti Kerajaan Trengganu 1953-1970*. Kuala Trengganu: Percetakan Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd., cet. 2.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. *Fatwa Warta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan 1991-1997*.
- *Keputusan Fatwa Negeri Selangor (Januari-September 2001)*.
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. *Himpunan Fatwa Mufti Negeri Terengganu 1988-2000*. Kuala Trengganu: Percetakan Yayasan Islam Trengganu Sdn. Bhd..